

SEJARAH SPM 2021

Latih Bertubi-tubiiiiii...!!!

Tingkatan 5



NAMA SAYA _____

SAYA SEKOLAH DI _____

CIKGU SAYA IALAH _____

SAYA NAK SCORE SEJARAH.....!!!

Tips KBAT !!!

PANDUAN UMUM

1. Terdapat pelbagai cara untuk menjawab soalan KBAT

2. Cara paling mudah ialah, gunakan :

- a. **LAGU SEKOLAH**
- b. **RUKUN NEGARA**
- c. **LAGU NEGERI / LAGU NEGARAKU**
- d. **POLITIK – EKONOMI – SOSIAL – AGAMA (PESA)**
- e. **NILAI MURNI PENDIDIKAN MORAL**

3. Dapat sahaja kertas soalan, terus tulis Lagu Sekolah anda, Rukun Negara, Lagu Negeri anda, Lagu Negaraku, Politik, Ekonomi, Sosial dan Agama dan Nilai Murni Pendidikan Moral pada tempat kosong.
4. Kemudian, gunakan kebijaksanaan anda untuk menggunakan perkataan-perkataan yang ada untuk dijadikan jawapan soalan KBAT
5. Pastikan jawapan KBAT yang anda tulis telah 'di**OLAH**' mengikut **KEHENDAK SOALAN**
6. Jika perlu, tambah lah **HURAIAN** atau **CONTOH** untuk kukuhkan lagi jawapan anda.

PERINGATAN

1. Bukan semua soalan boleh guna kaedah ini
2. Anda perlu bijak **UBAHSUAI** perkataan dan ayat mengikut kehendak soalan
3. Ada soalan KBAT yang tidak boleh guna Lagu Sekolah, TAPI perlukan jawapan **FAKTA** atau **FAKTA + LOGIK**
4. Anda kena fikir sikit jeeee..... Jawapan mesti logik dari segi :
 - a. **MASA BERLAKU**
 - b. **TEMPAT KEJADIAN**
 - c. **ORANG / WATAK**
 - d. **PERISTIWA / CERITA**
5. Ada juga soalan **FAKTA** yang anda boleh 'cuba-cuba' atau 'hentam je' dengan gunakan Lagu Sekolah dan lain-lain
6. Tapi yang logik la yee..... Untung-untung dapat markah. Sikit pun jadi laaa... daripada kosong

CONTOH CARA MENJAWAB SOALAN KBAT

1. Sebelum menjawab, pastikan dahulu soalan mana yang boleh dijawab dengan menggunakan kaedah ini.
2. Baca soalan betul-betul. Bila dah faham soalan, baru pilih jawapan dari :
 - a. **LAGU SEKOLAH**
 - b. **RUKUN NEGARA**
 - c. **LAGU NEGERI / LAGU NEGARAKU**
 - d. **POLITIK – EKONOMI – SOSIAL – AGAMA (PESA)**
 - e. **NILAI MURNI PENDIDIKAN MORAL**

3. Anda boleh saja gabungkan semua jawapan di atas. Tapi pastikan jawapan itu betul dengan kehendak soalan.
4. Anda boleh menulis jawapan sama ada :
 - a. **SEMUA ISI**
 - b. **ISI + HURAIAN**
 - c. **ISI + HURAIAN + CONTOH**
5. **INGAT !!!**, jadikan sebahagian soalan sebagai permulaan jawapan anda.
6. **INGAT !!!!!**, jumlah jawapan mestilah ikut jumlah markah. Jadi..... kalau 8 markah, mesti tulis 8 jawapan. **FAHAM Yeeeeeee.....!!!!**

**KATA KUNCI NILAI UNIVERSAL KURIKULUM STANDARD
PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH MENENGAH**

Bil	Nilai	Kata kunci nilai
1	Kepercayaan kepada Tuhan 信奉上帝	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
2	Bertanggungjawab 负责任	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
3	Berdikari 自立	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
4	Harga Diri 自尊	Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.
5	Kerajinan 勤勉	Usaha yang berterusan bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
6	Berterima kasih 感谢	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
7	Patriotisme 爱国	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
8	Kebebasan 自由	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
9	Keberanian 勇敢	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
10	Kejujuran 诚实	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
11	Rasional 理智	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
12	Baik hati 好心 / 善良	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
13	Hemah Tinggi 崇高的品德	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.
14	Hormat 尊敬	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
15	Kasih Sayang 仁爱	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
16	Kerjasama 合作	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
17	Kesederhanaan 中庸之道	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
18	Toleransi 互相忍让 / 容忍	Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.

LAGU SEKOLAH

Kami Mutiara **BANGSA**

Penggerak **ASPIRASI** Negara

Bersama Mencapai **KECEMERLANGAN**

Kami Mutiara **WAWASAN**

Pendokong **PEMBANGUNAN INSAN**

BERILMU, **BERIMAN** dan **BERKETRAMPILAN**

Menuju **KEJAYAAN**

KREATIF dan **BERINOVATIF**

SEPAKAT dan **BERSEMANGAT**

BERSOPAN-SANTUN, Hidup **BERJASA**

Kami Mutiara Bergemerlapan

Bersinar Menerangi Alam

SMK Bandar Tasek Mutiara (2X)

RUKUN NEGARA

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

P E S A

POLITIK

Sistem pemerintahan / Pentadbiran /
Birokrasi / Imperialisme / Nasionalisme /
Patriotisme / Kerajaan / Raja / Pembesar /
Undang-undang / Perlembagaan /
Kemerdekaan / Kedaulatan

EKONOMI

Kemajuan / Kemerosotan / Perdagangan /
Pertanian / Perusahaan / Perlombongan /
Bahan mentah / Cukai / Mata wang / Tanah

SOSIAL

Pendidikan / Ilmu pengetahuan / Kesihatan /
Pengangkutan / Seni bina / Perpaduan / Cara
hidup / Adat resam / Bahasa / Taraf hidup /
Bangsa / Kemudahan awam

AGAMA

Taat / Baik / Nilai murni

LAGU NEGERI PULAU PINANG

Selamat **TUHAN** Kurniakan

SELAMAT Pulau Pinang

Negeriku Yang **MULIA**

Ku **TAAT** dan **SETIA**

AMAN dan **BAHAGIA**

MAJU lah, **JAYA** lah

Negeriku Yang Ku **CINTA**

BERSATU dan **BERSAMA**

Untuk Negeri Kita

CONTOH CARA MENJAWAB SOALAN KBAT – TINGKATAN 4**SOALAN 1**

Bagaimanakah **anda memupuk rasa bangga terhadap warisan negara bangsa?** [4 markah]



Saya akan memupuk rasa bangga terhadap warisan negara bangsa dengan bersikap setia kepada **RAJA**. Selain itu, saya juga akan setia kepada **NEGARA** yang tercinta. Saya juga akan menghormati **PERLEMBAGAAN** negara. Malahan, saya juga akan mematuhi **UNDANG-UNDANG** yang ditetapkan oleh negara. [4 Rukun Negara]

SOALAN 2

Jelaskan **kepentingan ilmu dalam mengembangkan idea nasionalisme**. [4 markah]

Kepentingan ilmu dalam mengembangkan idea nasionalisme ialah, dengan ilmu kita akan menjadi **BANGSA** yang dihormati. Seterusnya, kita akan berusaha menjadikan negara kita mencapai **KECEMERLANGAN** dalam semua perkara. Ini juga membolehkan rakyat di negara kita menjadi **BERKETRAMPILAN**. Secara tidak langsung kita akan menjadi **BERSEMANGAT** untuk mempertahankan kedaulatan negara. [4 Lagu Sekolah SMKBTM]

SOALAN 3

Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan **tanggungjawab anda dalam mempertahankan kedaulatan negara**. [8 markah]

Tanggungjawab saya dalam mempertahankan kedaulatan negara ialah sentiasa **SETIA** kepada raja dan negara. Selain itu, saya juga akan menghormati **PERLEMBAGAAN** sebagai peraturan tertinggi negara. Saya juga tidak akan melanggar **UNDANG-UNDANG** negara. Seterusnya, saya akan berusaha menjadi **BANGSA** Malaysia yang bertanggungjawab. Saya juga akan bersama pemimpin untuk mencapai **ASPIRASI** negara. Ini membolehkan negara kita berada di landasan **KECEMERLANGAN**. Selain itu, saya juga akan berusaha untuk menjadi masyarakat Malaysia yang **BERILMU**. Saya juga akan hidup **SEPAKAT** bersama seluruh rakyat Malaysia. Saya percaya, jika semua ini dilaksanakan, kedaulatan negara dapat dipertahankan. [3 Rukun Negara + 5 Lagu Sekolah SMKBTM]

SOALAN 4

Kerjasama antara rakyat dengan kerajaan penting dalam usaha mempertahankan tanah air. Jelaskan **implikasi terhadap negara sekiranya tidak wujud kerjasama tersebut**. [8 markah]

Impikasi terhadap negara sekiranya tidak wujud kerjasama tersebut ialah kita akan menjadi **BANGSA** yang lemah. Oleh itu, **ASPIRASI** negara akan menjadi sukar untuk dicapai. Ini mengakibatkan negara tidak akan mencapai **KECEMERLANGAN**. Selain itu, **PEMBANGUNAN INSAN** juga tidak akan berlaku dalam negara. Negara kita juga akan semakin jauh daripada mencapai sebarang **KEJAYAAN**. Sikap **KREATIF** yang ada pada rakyat juga menjadi tidak berguna. Begitu juga dengan sikap **INOVATIF** yang ada pada masyarakat. Di samping itu, tidak akan wujud sikap **SEPAKAT** dalam kalangan rakyat Malaysia. Jika ini semua berlaku, maka tunggulah saat kehancuran negara. [8 Lagu Sekolah SMKBTM]

BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

BAHAGIAN A SOALAN STRUKTUR

- 1 Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 mengukuhkan lagi negara bangsa kita yang berdaulat [m.s 4]



- (a) Nyatakan maksud kedaulatan. [ms 4] [2 markah]

- (b) Apakah perbezaan maksud kedaulatan antara Bahasa Yunani dengan Bahasa Arab? [ms 4]
[4 markah]

- (c) Mengapakah kedaulatan penting kepada sesebuah negara? [KBAT] [4 markah]

2 Gambar di bawah menunjukkan bangunan parlimen di negara kita [m.s 8 - 9]



(a) Nyatakan dua ciri negara yang berdaulat. [ms 8 – 9] [2 markah]

(b) Jelaskan kebaikan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan oleh negara kita. [KBAT] [4 markah]

(c) Mengapakah sebagai rakyat Malaysia, kita perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah? [KBAT] [4 markah]

3 Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu memahami pentingnya mengekalkan kedaulatan negara yang diperoleh pada masa ini. [m.s 10 – 11]

- (a) Nyatakan sebab-sebab pentingnya kita mewujudkan negara Malaysia yang berdaulat.
[ms 10 – 11] [3 markah]

- (b) Mengapakah pemimpin negara berusaha untuk memaju dan meningkatkan ekonomi negara kita? [KBAT] [3 markah]

- (c) Bagaimanakah caranya untuk mewujudkan kesejahteraan sosial dalam negara kita? [ms 11] [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Kedaulatan berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sesebuah negara. Setiap negara mempunyai hak untuk menentukan bentuk dan jenis kedaulatan yang diamalkannya.

[m.s 6 – 7]

- a) Berikan perbezaan bagi ciri-ciri kedaulatan tradisional dengan kedaulatan moden
[ms 6] [6 markah]
- b) Jelaskan maksud kedaulatan undang-undang dan kedaulatan antarabangsa. [ms 7]
[6 markah]
- c) Pada pandangan anda, apakah cabaran yang dihadapi untuk mengekalkan kedaulatan negara kita? [KBAT] [8 markah]

[illegible]

BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**BAHAGIAN A
SOALAN STRUKTUR**

- 1 Pernyataan di bawah berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia [m.s 22 – 24]

Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa seiring dengan kemerdekaan negara kita pada 31 Ogos 1957

- (a) Nyatakan maksud Perlembagaan Persekutuan. [ms 22] [2 markah]

- (b) Senaraikan dua undang-undang bertulis yang terdapat di negara kita sebelum kedatangan British. [ms 22] [2 markah]

(i) _____

(ii) _____

- (c) Jelaskan isi kandungan utama undang-undang negeri Melayu. [ms 22] [3 markah]

- (d) Pada pandangan anda, apakah kepentingan undang-undang dalam mewujudkan keharmonian sosial dalam negara? [KBAT] [3 markah]

2 Pembentukan Perlembagaan Persekutuan negara kita berasaskan undang-undang Melayu dan undang-undang Inggeris. [m.s 22 – 24]

(a) Nyatakan undang-undang Inggeris yang diperkenalkan oleh British di : [ms 23] [2 markah]

(i) Sarawak : _____

(ii) Sabah : _____

(b) Jelaskan tentang undang-undang yang telah diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat. [ms 24] [4 markah]

(c) Wajarkah undang-undang Inggeris diperkenalkan di negara kita? Nyatakan pendapat anda. [KBAT] [4 markah]

3 Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula pada tahun 1877 hingga tahun 1957.
[m.s 25 – 27]

(a) Nyatakan proses pembentukan undang-undang di negeri Perak pada tahun 1877 [ms 25]
[2 markah]

(b) Apakah isi kandungan yang terdapat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
[ms 26] [2 markah]

(c) Nyatakan perkara utama yang terdapat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.
[ms 27] [2 markah]

(d) Perlembagaan negara merupakan elemen penting dalam sesebuah negara dan perlu dipertahankan. Jelaskan. [KBAT] [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI


1. Perlembagaan Persekutuan mempunyai dua ciri utama, iaitu ciri tradisional dan ciri moden. Ini penting untuk mewujudkan kestabilan dan kemajuan negara. [m.s 28 – 29]
 - a) Jelaskan tentang Institusi Kesultanan dalam Perlembagaan Persekutuan negara kita? [ms 28] [4 markah]
 - b) Bincangkan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan. [ms 28] [8 markah]
 - c) Apakah peranan rakyat untuk mempertahankan pemerintahan beraja. Berikan pendapat anda. [KBAT] [8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

2. Semenjak Perlembagaan Persekutuan diperkenalkan, terdapat beberapa pindaan telah dilakukan terhadap perlembagaan tersebut. [m.s 30 – 31]
- a) Mengapakah pindaan perlembagaan dilakukan pada tahun 1965? [ms 31] [4 markah]
 - b) Selepas pembentukan Malaysia, perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengalami beberapa pindaan. Jelaskan. [ms 30 – 31] [8 markah]
 - c) Pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan perlu selari dengan keperluan semasa. Nyatakan pandangan anda. [KBAT] [8 markah]

This image shows a full page of blank white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a template for writing or drawing. There are no margins, text, or other markings on the page.

3. Gambar menunjukkan Undang-undang Malaysia berkaitan Akta Bahasa Kebangsaan di negara kita. [m.s 29]



- Mengapakah Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara kita? [ms 29 + KBAT] [4 markah]
- Apakah peranan rakyat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan? [KBAT] [8 markah]
- Pada pandangan anda, mengapakah masih wujud rakyat yang tidak mematuhi dan menghormati Perlembagaan Persekutuan? [KBAT] [8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**BAHAGIAN A
SOALAN STRUKTUR**

- 1 Sistem pemerintahan beraja di negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pentadbiran tempatan dikuasai oleh British. [m.s 40 – 41]

- (a) Apakah yang berlaku kepada Raja-raja Melayu selepas British memperkenalkan Malayan Union? [ms 40] [2 markah]

- (b) Mengapakah British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948? [ms 40] [2 markah]

- (c) Selepas merdeka, negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Apakah maksud : [ms 41] [2 markah]

- (i) Raja Berperlembagaan

- (ii) Demokrasi Berparlimen

- (d) Bagaimanakah sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dapat diperkukuhkan? Nyatakan pendapat anda. [KBAT] [4 markah]

- 2 Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan di negara kita. [m.s 42 - 43]



DURBAR yang pertama

- (a) Jelaskan ciri-ciri Durbar. [ms 42] [3 markah]

- (b) Jelaskan tentang Majlis Sultan-Sultan yang ditubuhkan oleh British semasa Malayan Union? [ms 43] [3 markah]

- (c) Selepas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948, Majlis Raja-Raja telah ditubuhkan. Nyatakan peranan Majlis Raja-Raja. [ms 43] [4 markah]

- 3 Pelbagai sistem pemerintahan diamalkan oleh sesebuah negara. Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen [m.s 50 - 55]



- (a) Nyatakan ciri-ciri demokrasi yang diamalkan oleh negara kita. [ms 50] [3 markah]

- (b) Namakan tiga negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. [KBAT] [3 markah]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

- (c) Pada pandangan anda, apakah kebaikan sistem pemerintahan demokrasi kepada rakyat sesebuah negara? [KBAT] [4 markah]

- 4 Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen, Malaysia mengamalkan pilihan raya dan memberi kebebasan asasi kepada rakyat. [m.s 50 - 51]

(a) Mengapakah pilihan raya diadakan? [ms 50] [2 markah]

(b) Bagaimanakah pilihan raya di negara kita diadakan? [ms 50] [3 markah]

(c) Nyatakan kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. [ms 51] [2 markah]

- (i) _____
(ii) _____

(d) Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia. Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku jika rakyat diberi kebebasan mutlak? [KBAT] [3 markah]

5 Amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita unik dan berbeza daripada negara lain. [m.s 56 - 57]

- (a) Apakah unsur tradisional dan unsur moden yang terdapat dalam sistem pemerintahan negara kita? [ms 56] [2 markah]

(i) Tradisional : _____

(ii) Moden : _____

- (b) Bagaimanakah mekanisme semak dan imbang dilaksanakan dalam pentadbiran negara kita? [ms 56] [3 markah]

- (c) Nyatakan kuasa budi bicara yang dimiliki oleh Yang di-Pertuan Agong. [ms 57] [2 markah]

(i) _____

(ii) _____

- (d) Jelaskan kerjasama politik yang pernah wujud dalam sejarah pilihan raya negara kita. [ms 57 + KBAT] [3 markah]


2. Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, peranan Raja-Raja dikekalkan, namun keanggotaannya mengalami perubahan. [m.s 44 – 45]
- a) Nyatakan perubahan yang berlaku dalam Majlis Raja-Raja selepas merdeka. [ms 44]
[4 markah]
 - b) Jelaskan kuasa yang dimiliki oleh Majlis Raja-Raja berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. [ms 44 – 45]
[8 markah]
 - c) Pada pendapat anda, mengapakah pelantikan jawatan-jawatan utama negara memerlukan rundingan dengan Majlis Raja-Raja? [KBAT]
[8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

3. Kesetiaan kepada raja dan negara merupakan prinsip kedua Rukun Negara. Sebagai warganegara yang patriotik, kita mesti mengamalkan prinsip tersebut bagi menzahirkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai tonggak pemerintahan negara. [m.s 46 – 49]
- a) Jelaskan tentang institusi Yang di-Pertuan Agong. [ms 46] [4 markah]
 - b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara. Nyatakan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang Eksekutif (Pentadbiran) dan bidang Legislatif (Perundangan). [ms 48 – 49] [8 markah]
 - c) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.
Pada pandangan anda, mengapakah Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dalam bidang kehakiman? [ms 49 + KBAT] [8 markah]

[illegible]

4. Negara kita mengamalkan pengasingan kuasa dalam pemerintahan. Kuasa pemerintahan di negara kita terbahagi kepada tiga badan, iaitu badan perundangan (legislatif), badan pelaksana (eksekutif) dan badan kehakiman (judisiari) [m.s 52 – 55]



- Badan perundangan di peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen. Badan perundangan peringkat Kerajaan Negeri ialah Dewan Undangan Negeri (DUN). Jelaskan ciri kedua-dua badan tersebut. [ms 53] [6 markah]
- Bezakan ciri badan eksekutif Kerajaan Persekutuan dengan badan eksekutif Kerajaan Negeri. [ms 54] [6 markah]
- Jelaskan peranan badan kehakiman dalam sistem pemerintahan negara kita. [ms 55] [6 markah]
- Mengapakah negara kita mengamalkan pengasingan kuasa dalam pemerintahan? [KBAT] [2 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

BAHAGIAN A

SOALAN STRUKTUR

1 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan. [m.s 66]

(a) Nyatakan maksud Persekutuan. [ms 66] [2 markah]

(b) Jelaskan sejarah pembentukan konfederasi Negeri Sembilan 1895. [ms 66] [4 markah]

(c) Pada pandangan anda, apakah kebaikan sistem Persekutuan? [KBAT] [4 markah]

- 2 Negara kita mengamalkan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri [m.s 68 - 71]



- (a) Apakah tujuan pembahagian kuasa dilaksanakan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri? [ms 68] [2 markah]

- (b) Mengapakah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dipindahkan ke Putrajaya pada tahun 1999? [ms 68 + KBAT] [4 markah]

- (c) Sebagai pemimpin, apakah yang akan anda lakukan untuk mengukuhkan hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri? [KBAT] [4 markah]

- 3 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu bekerjasama untuk memastikan segala usaha pembangunan memberi manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat. [m.s 72 - 73]

- (a) Senaraikan bentuk kerjasama pembangunan sosioekonomi yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. [ms 72] [3 markah]

- (b) Nyatakan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri melalui agensi : [ms 72] [2 markah]

(i) FELDA : _____

(ii) FELCRA : _____

- (c) Namakan agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baharu. [ms 73] [2 markah]

(i) _____

(ii) _____

- (d) Selepas tahun 2005, kerjasama sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan. Pada pendapat anda, mengapakah negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia tidak termasuk dalam Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah? [KBAT] [3 markah]

- 4 Pelbagai strategi dan langkah kerjasama diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri. [m.s 76 – 77]



- (a) Nyatakan usaha yang dilakukan untuk menyediakan perumahan kos rendah di zaman awal kemerdekaan negara. [ms 76] [2 markah]

(i) Kerajaan Persekutuan

(ii) Kerajaan Negeri

- (b) Jelaskan usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah. [ms 77] [3 markah]

- (c) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk mewujudkan perumahan mampu milik kepada rakyat? [ms 77] [2 markah]

- (d) Jika anda pemimpin negara, apakah usaha anda untuk menjadikan rakyat mampu memiliki rumah sendiri? [KBAT] [3 markah]

- 5 Kekukuhan sistem Persekutuan di negara kita berkait rapat dengan konsep keluhuran Perlembagaan Persekutuan serta penyelarasan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. [m.s 80 – 81]

(a) Jelaskan peruntukan yang terdapat dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan. [ms 80]

[2 markah]

(b) Bagaimanakah pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diselaraskan?

[ms 80 – 81]

[3 markah]

(c) Namakan dua Majlis Negara yang berfungsi untuk menyelaraskan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. [ms 81]

[2 markah]

- (i) _____
- (ii) _____

(d) Apakah yang akan berlaku sekiranya pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak selaras? [KBAT]

[3 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Pembentukan sistem Persekutuan di negara kita bermula pada tahun 1896 [m.s 66 - 67]
 - a) Jelaskan sejarah pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. [ms 66] [4 markah]
 - b) Pembentukan Malayan Union telah digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948 setelah mendapat tentangan daripada pelbagai pihak. Bezakan ciri-ciri Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [ms 67] [8 markah]
 - c) Pada pandangan anda, apakah perbezaan antara Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang merdeka dengan Persekutuan Malaysia 1963? [ms 67 + KBAT] [8 markah]

This image shows a full page of blank white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a template for writing or drawing. There are no margins, text, or other markings on the page.

2. Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan [m.s 69 – 71]
- a) Nyatakan kuasa yang dimiliki oleh :
 - (i) Kerajaan Persekutuan [ms 69] [3 markah]
 - (ii) Kerajaan Negeri [ms 70] [3 markah]
 - b) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai Senarai Bersama yang membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Apakah Senarai Bersama tersebut? [ms 70] [3 markah]
 - c) Jelaskan kuasa tambahan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah. [ms 70] [3 markah]
 - d) Kerajaan Tempatan ialah kerajaan peringkat ketiga yang menjadi orang tengah antara Kerajaan Negeri dengan rakyat. Jelaskan peranan Kerajaan Tempatan kepada rakyat. [ms 71] [8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA**BAHAGIAN A****SOALAN STRUKTUR**

- 1 Pembentukan Malaysia berlaku pada 16 Setember 1963. [m.s 90]



- (a) Namakan gabungan negeri yang membentuk negara Malaysia. [ms 90] [3 markah]

- (b) Jeaskan tentang kosep Melayu Raya. [ms 90] [3 markah]

- (c) Pada pandangan anda, mengapakah British ingin membentuk wilayah penguasaan British di Asia Tenggara? [ms 90 – 91 + KBAT] [4 markah]

-
-
-
-

-
-
-
-

-
-
-

- [illegible]

- 3 Idea pembentukan Malaysia mendapat reaksi dari pelbagai pihak. [m.s 94 - 97]



- (a) Apakah reaksi yang diterima dari penduduk tempatan dan negara jiran? [ms 94] [2 markah]

- (b) Wajarkah idea pembentukan Malaysia ditentang oleh pihak luar? [KBAT] [4 markah]

- (c) Sebagai pemimpin, apakah usaha anda untuk mengatasi penentangan dari pihak luar? [KBAT] [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan. [m.s 91 – 92]
 - a) Nyatakan sebab pegawai-pegawai British mencadangkan penggabungan tanah jajahan di Asia Tenggara. [ms 91] [6 markah]
 - b) Jelaskan idea dan usaha penduduk tempatan untuk menggabungkan wilayah dan membentuk Malaysia. [ms 92] [6 markah]
 - c) Idea pembentukan Malaysia ialah suatu pemikiran strategik demi masa depan negara yang gemilang. Bincangkan. [KBAT] [8 markah]

[illegible]

This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 20 evenly spaced horizontal grey lines across its entire width, providing a guide for handwriting or typing. The background is a solid off-white color.

3. Singapura, Brunei dan negara jiran turut memberi pelbagai reaksi terhadap pembentukan Malaysia. [m.s 97]
- a) Mengapakah pemimpin di Singapura berbeza pendapat terhadap cadangan pembentukan Malaysia? [ms 97] [6 markah]
 - b) Walaupun Sultan Brunei memberi reaksi positif, tetapi Parti Rakyat Brunei bersikap sebaliknya. Bincangkan. [ms 97] [6 markah]
 - c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah reaksi negara jiran terhadap rancangan pembentukan Malaysia? [ms 97 + KBAT] [8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

7. Penentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia berakhir pada tahun 1966. [m.s 106 - 109]



Konfrontasi Indonesia

- a) Jelaskan peristiwa penentangan Indonesia terhadap Malaysia. [ms 106 – 107] [4 markah]
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia untuk menghadapi konfrontasi Indonesia? [ms 108 – 109] [8 markah]
- c) Konfrontasi memberikan pengalaman kepada negara kita untuk mengurus krisis pada peringkat serantau dan antarabangsa. Jelaskan persediaan yang perlu dilakukan oleh Malaysia untuk mengelak perkara yang sama daripada berulang? [KBAT] [8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on the right side, suggesting it's resting on a surface.

BAB 6 : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**BAHAGIAN A
SOALAN STRUKTUR**


1 Selepas pembentukan Malaysia, negara terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran [m.s 116 – 118]

- (a) Nyatakan cabaran yang dihadapi di Sarawak dan Sabah dalam pembangunan dan sosioekonomi. [ms 116 – 117] [3 markah]

- (b) Apakah cabaran politik yang berlaku di Sarawak? [ms 118] [3 markah]

- (c) Mengapakah usaha mewujudkan perpaduan kaum penting di negara kita? [KBAT] [4 markah]

- 2 Parti Komunis Malaya (PKM) meneruskan kegiatan mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia. PKM meneruskan kegiatan agresif dengan menyerang anggota keselamatan dan orang awam serta memusnahkan kemudahan awam. [m.s 124 – 125]



Keganasan Komunis

- (a) Namakan dua pegawai kanan polis yang telah dibunuh oleh PKM. [ms 124] [2 markah]

(i) _____

(ii) _____

- (b) Nyatakan bentuk kekejaman PKM kepada orang awam dan kemudahan negara.

[ms 124 – 125]

[2 markah]

- (c) Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi ancaman komunis di Semenanjung Malaysia? [ms 125]

[2 markah]

- (d) Kerajaan Malaysia bersungguh-sungguh menangani ancaman komunis. Pada pendapat anda, wajarkah tindakan ini? [KBAT]

[4 markah]

- 3 Kerajaan telah membentuk rancangan pembangunan lima tahun bagi memastikan usaha pembangunan dan ekonomi nasional dapat dilaksanakan di semua negeri. [m.s 126 – 128]

(a) Apakah isu sosioekonomi yang dihadapi oleh negara? [ms 127] [2 markah]

(b) Nyatakan dua isu dalam bidang pertanian. [ms 127] [2 markah]

(i) _____

(ii) _____

(c) Jelaskan usaha kerajaan untuk mengatasi isu taraf hidup di negara kita. [ms 128][2 markah]

(d) Pada pandangan anda, apakah langkah terbaik untuk meningkatkan kualiti kesihatan dan sosial di negara kita? [KBAT] [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Kemasukan Singapura ke dalam Malaysia telah menimbulkan pelbagai cabaran terhadap negara. [m.s 119 – 120]



- Jelaskan usaha yang telah dilakukan untuk menyelesaikan masalah antara Singapura dengan kerajaan pusat. [ms 120] [4 markah]
- Apakah faktor yang menyebabkan Singapura dipisahkan daripada Malaysia? [ms 119] [8 markah]
- Pada pandangan anda, wajarkah Singapura dipisahkan daripada Malaysia? [KBAT] [8 markah]

[illegible]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 20 evenly spaced horizontal grey lines across its entire width, providing a guide for handwriting or typing. The paper itself is a clean, off-white color.

BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**BAHAGIAN A****SOALAN STRUKTUR**

- 1 Pembinaan negara Malaysia berasaskan pepaduan kaum dan integrasi nasional. Elemen ini menjadi asas kekuatan negara kita yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum. [m.s 140]

- (a) Nyatakan sejarah hubungan kaum di negara kita. [ms 140] [2 markah]

- (b) Bandingkan maksud perpaduan kaum dengan integrasi nasional. [ms 140] [4 markah]

- (c) Mengapakah kita perlu menjaga perpaduan dan keharmonian kaum? [KBAT] [4 markah]

2. Seiring dengan kemerdekaan negara, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Beberapa langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. [m.s 148]



- (a) Apakah Akta Bahasa Kebangsaan? [ms 148] [2 markah]

- (b) Bagaimanakah sistem pendidikan dapat memperkasakan Bahasa Melayu? [ms 148] [4 markah]

- (c) Wajarkah rakyat sesebuah negara tidak menghormati bahasa kebangsaan? [KBAT] [4 markah]

3 Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan. [m.s 150 – 151]

(a) Nyatakan tiga prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. [ms 150] [3 markah]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(b) Apakah tujuan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk? [ms 151] [3 markah]

(c) Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat dilaksanakan? Nyatakan pendapat anda. [ms 151 + KBAT] [4 markah]

- 4 Sukan merupakan satu medium untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional di Malaysia. Sukan dapat mengeratkan hubungan muhibah dan menerapkan rasa saling hormat dalam kalangan peserta. [m.s 152 – 154]

- (a) Apakah maksud Dasar 1 Murid 1 Sukan dan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP)? [ms 152] [2 markah]

- (b) Nyatakan kejohanan sukan yang dianjurkan dalam negara. [ms 153] [2 markah]

- (c) Senaraikan kejohanan sukan antarabangsa yang pernah diadakan di negara kita. [ms 153] [2 markah]

- (d) Malaysia pernah mencapai banyak kejayaan besar dalam bidang sukan. Apakah faktor yang mendorong kejayaan tersebut. Berikan pendapat anda. [ms 154 + KBAT] [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Pemisahan kaum di negara kita berlaku disebabkan oleh dasar penjajahan British. [m.s 141 – 143]
 - a) Jelaskan faktor berlakunya masalah perpaduan di negara kita. [ms 141] [6 markah]
 - b) Nyatakan usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam bidang politik dan ekonomi untuk memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional. [ms 142 – 143] [6 markah]
 - c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah langkah sosial yang terbaik untuk mengukuhkan perpaduan dan merapatkan integrasi nasional? [KBAT] [8 markah]

[illegible]

2. Pernyataan di bawah menerangkan tentang latar belakang Dasar Pendidikan Kebangsaan.
[m.s 144 – 147]

Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum. Dasar ini dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau dikenali sebagai Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Semua dasar pendidikan yang terdapat sebelum ini disemak semula pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979

- a) Jelaskan cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Rahman Talib dalam usaha menjadikan sistem pendidikan sebagai asas memupuk perpaduan dan integrasi nasional [ms 145] [6 markah]
- b) Nyatakan hasil daripada penubuhan Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. [ms 146] [6 markah]
- c) Bagaimanakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Akta Pendidikan 1996 dapat memperkukuhkan lagi matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan? [ms 146 – 147 + KBAT] [8 markah]

[illegible]

[illegible]

BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA**BAHAGIAN A****SOALAN STRUKTUR**

- 1 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula pada tahun 1970 hingga tahun 1990 sebagai rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara. DEB dilaksanakan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) yang merangkumi empat Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. [m.s 166 – 167]

- (a) Namakan dua pakar ekonomi yang terlibat dalam merancang dan merangka DEB. [ms 166]
[2 markah]

(i) _____

(ii) _____

- (b) Mengapakah strategi untuk mencapai matlamat DEB digelar serampang dua mata?
[ms 167] [4 markah]

- (c) Terdapat isu yang berkaitan dengan rancangan membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat semasa DEB dilancarkan. Nyatakan isu tersebut. [ms 167] [4 markah]

- 2 Selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) berakhir pada tahun 1990, kerajaan meneruskan dasar pembangunan melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN). [m.s 174 – 175]

(a) Apakah Dasar Pembangunan Nasional (DPN)? [ms 174] [2 markah]

(b) Jelaskan tentang matlamat Dasar Pembangunan Nasional. [ms 174] [2 markah]

(c) Nyatakan objektif Dasar Pembangunan Nasional. [ms 175] [2 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah strategi yang sesuai untuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional? [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang.
[m.s 168 – 173]
- a) Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan pemilikan saham kaum bumiputera?
[ms 172] [4 markah]
 - b) Jelaskan usaha yang dilakukan untuk meningkatkan pendapatan rakyat dalam bidang pertanian. [ms 168 – 171] [8 markah]
 - c) Bagaimanakah cara untuk melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri di negara kita? [ms 173 + KBAT] [8 markah]

This image shows a full page of blank white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a template for writing or drawing. There are no margins, text, or other markings on the paper.

2. Strategi asas Dasar Ekonomi Baru (DEB) diteruskan dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), iaitu membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum. [m.s 176 – 179]
- a) Apakah langkah yang diambil untuk merealisasikan matlamat DPN? [ms 176] [4 markah]
 - b) Bagaimanakah kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat Malaysia dapat dihapuskan? [ms 176 + KBAT] [8 markah]
 - c) Bagaimanakah teknologi moden dapat meningkatkan pengeluaran dalam pelbagai bidang ekonomi? [ms 179 + KBAT] [8 markah]

[illegible]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA**BAHAGIAN A****SOALAN STRUKTUR**

- 1 Sejarah hubungan luar di negara ini bermula sejak zaman kerajaan-kerajaan Melayu dan semakin jelas melalui hubungan yang dijalinan oleh Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan lain sama ada di Alam Melayu atau di luar Alam Melayu [m.s 194 - 195]

- (a) Namakan kerajaan awal sebelum Kesultanan Melayu Melaka yang menjalinkan hubungan dengan China. [ms 194] [2 markah]

- (b) Apakah bentuk hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan lain? [ms 194] [2 markah]

- (c) Jelaskan faedah yang diperoleh Kesultanan Melayu Melaka daripada hubungan luar dengan kerajaan lain. [ms 195] [3 markah]

- (d) Bagaimanakah bentuk hubungan luar negara kita di awal kemerdekaan? [ms 195] [3 markah]

- 2 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan pada tahun 1945 dengan matlamat mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia. Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan. [m.s 198 - 199]



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- (a) Komitmen dan kerjasama Malaysia kepada PBB terbukti dengan negara kita mendukung Piagam PBB. Apakah Piagam PBB? [ms 198] [3 markah]

- (b) Malaysia terlibat dengan pelbagai agensi PBB. Namakan tiga agensi tersebut. [ms 199] [3 markah]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

- (c) Pada pemikiran anda, apakah peranan yang sepatutnya dilakukan oleh Majlis Keselamatan PBB untuk mewujudkan dunia yang aman dan sejahtera? [KBAT] [4 markah]

- 3 Malaysia turut memberikan sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik. [m.s 200 – 205]



- (a) Malaysia pernah menghantar pasukan pengaman ke beberapa buah negara. Nyatakan tugas utama pasukan pengaman tersebut. [ms 200] [3 markah]

- (b) Negara kita turut terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di beberapa buah negara. Namakan tiga negara tersebut. [ms 202 – 203] [3 markah]

- (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____

- (c) Sebagai warga Malaysia, bagaimanakah anda menunjukkan sokongan terhadap penglibatan negara kita dalam PBB? [KBAT] [4 markah]

- 4 Malaysia mengamalkan dasar berkecuali dengan terlibat secara aktif dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM). [m.s 212 – 213]

(a) Apakah isu yang dibangkitkan dalam Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 di Kuala Lumpur?
[ms 212] [2 markah]

(b) Jelaskan pendirian Malaysia berkaitan isu Bosnia dan Herzegovina. [ms 213] [2 markah]

(c) Nyatakan tindakan Malaysia dalam usaha menjadikan Asia Tenggara sebagai kawasan berkecuali. [ms 213] [2 markah]

(d) Nyatakan kesan yang berlaku jika negara kita tidak bersikap berkecuali, malahan menyertai pakatan negara tertentu? [KBAT] [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Penggubalan dasar luar Malaysia berasaskan kepada aspek ekonomi, sosial dan politik di peringkat domestik dan antarabangsa [m.s 196 – 197]
 - a) Nyatakan matlamat penggubalan dasar luar negara kita. [ms 196] [6 markah]
 - b) Jelaskan tiga faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar negara kita. [ms 197] [6 markah]
 - c) Mengapakah hubungan baik dengan negara luar perlu diperkukuh? Nyatakan pendapat anda. [KBAT] [8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

2. Malaysia telah menyertai Pertubuhan Komanwel yang telah memberikan banyak manfaat kepada negara. [m.s 206 – 207]



- Apakah Pertubuhan Komanwel? [ms 206] [4 markah]
- Bincangkan penglibatan dan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Komanwel dari aspek ekonomi dan sosial. [ms 206 – 207] [8 markah]
- Malaysia pernah menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada tahun 1989. Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pemimpin Komanwel untuk meningkatkan lagi hubungan antara negara anggota? [KBAT] [8 markah]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

3. Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu sejak 1970-an. Perubahan yang berlaku dalam ekonomi, sosial dan politik pada peringkat antarabangsa turut memberikan kesan kepada negara kita. [m.s 208 - 209]
- a) Jelaskan cabaran politik yang dihadapi negara dalam usaha mengukuhkan dasar luar. [ms 208] [6 markah]
 - b) Nyatakan cabaran keselamatan dan pertahanan yang dihadapi oleh Malaysia. [ms 208 – 209] [6 markah]
 - c) Dominasi negara maju dalam penentuan harga komoditi telah memberi cabaran besar kepada negara. Pada pandangan anda, bagaimanakah Malaysia harus mengatasi masalah ini? [ms 209 + KBAT] [8 markah]

[illegible]

4. Keanggotaan Malaysia dalam ASEAN memberikan manfaat dari segi ekonomi, sosial dan politik.
[m.s 210 - 211]



- a) Terangkan sejarah penubuhan ASEAN. [ms 210] [4 markah]
- b) Jelaskan faedah ekonomi dan sosial yang diperolehi Malaysia melalui ASEAN. [ms 211] [8 markah]
- c) ZOPFAN ialah satu deklarasi yang dicadangkan oleh Malaysia dalam ASEAN pada tahun 1971. Pada pandangan anda, bagaimanakah konsep ZOPFAN ini dapat memberi kebaikan kepada negara ASEAN? [ms 210 + KBAT] [8 markah]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

5. Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah ditubuhkan pada tahun 1969 dan disertai oleh 57 buah negara. [m.s 214 - 217]



Ulang Tahun ke-50 OIC

- Nyatakan sumbangan awal Malaysia dalam penubuhan OIC. [ms 214] [6 markah]
- Jelaskan sumbangan Malaysia kepada OIC dalam bidang politik. [ms 216] [6 markah]
- Keanggotaan Malaysia dalam OIC memberi faedah dari segi sosial dan ekonomi. Setujukah anda? [ms 216 – 217 + KBAT] [8 markah]

[illegible]

BAB 10 : KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA**BAHAGIAN A****SOALAN STRUKTUR**

- 1 Malaysia sering menjadi tumpuan warga asing kerana kemakmuran ekonomi. Ini menyebabkan berlakunya kes pemerdagangan orang dan juga penularan wabak penyakit. [m.s 229]

(a) Nyatakan kesan buruk pemerdagangan orang. [ms 229] [2 markah]

(b) Apakah tindakan Malaysia untuk mengatasi masalah pemerdagangan orang? [ms 229] [2 markah]

(c) Bagaimanakah penyakit AIDS merebak di negara kita? [ms 229] [2 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah cara terbaik untuk mengawal penyakit AIDS daripada merebak di negara kita? [ms 229 + KBAT] [4 markah]

- 2 Sebagai negara yang amalkan ekonomi pasaran bebas, Malaysia begitu prihatin dengan isu ekonomi antarabangsa. [m.s 230 - 233]

(a) Apakah tujuan penubuhan ASEAN Free Trade Area (AFTA)? [ms 230] [2 markah]

(b) Nyatakan bentuk tekanan negara maju terhadap negara kita dari segi perdagangan antarabangsa. [ms 230] [2 markah]

(c) Apakah bentuk Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga yang melibatkan negara ASEAN? [ms 231] [2 markah]

(d) Wajarkah Malaysia menentang penguasaan ekonomi oleh negara maju? [KBAT][4 markah]

3 Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 – 1998 yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit. [m.s 232 – 233]

- (a) Nyatakan kesan yang berlaku daripada kemelesetan ekonomi di negara kita.
[ms 232 + KBAT] [2 markah]

- (b) Apakah usaha Malaysia untuk membangunkan sistem kewangan Islam sebagai alternatif kepada sistem kewangan konvensional. [ms 232 – 233] [4 markah]

- (c) Malaysia berjaya menangani isu kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 – 1998. Buktikan.
[ms 232 + KBAT] [4 markah]

- 4 Negara kita telah merangka pelbagai usaha bagi memastikan generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. [m.s 242 – 245]

- (a) Nyatakan isu yang menjadi fokus negara kita demi masa hadapan yang cemerlang.
[ms 242 – 245] [3 markah]

- (b) Apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah jerebu di Asia Tenggara?
[ms 243] [3 markah]

- (c) Masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) perlu diatasi dengan menyeluruh agar tidak memberi kesan buruk kepada negara. Setujukah anda? [ms 244 – 245 + KBAT] [4 markah]

BAHAGIAN B

SOALAN ESEI

1. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sikap terbuka, isu pada peringkat global sama ada isu ekonomi, sosial mahupun politik turut mempengaruhi perkembangan negara kita. [m.s 226 – 228]
 - a) Malaysia menganggap dadah sebagai musuh negara. Jelaskan usaha Malaysia untuk memerangi penyalahgunaan dadah di peringkat global. [ms 226] [4 markah]
 - b) Sebagai negara yang berjiran dengan banyak negara, isu pertindihan sempadan tidak dapat dielakkan. Nyatakan isu pertindihan sempadan yang dihadapi oleh Malaysia dan cara negara kita menghadapinya. [ms 227] [8 markah]
 - c) Sebagai pengeluar utama minyak sawit dunia, Malaysia dicemburui oleh beberapa buah negara maju. Pada pengetahuan anda, apakah cabaran yang dihadapi oleh negara kita dalam isu minyak sawit? [ms 228 + KBAT] [8 markah]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

3. Usaha untuk mengekal dan memelihara keaslian alam sekitar supaya boleh diwarisi oleh generasi akan datang amat diberi perhatian oleh negara kita. [m.s 238 - 241]
- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia sebagai komitmen kepada pengisytiharan Deklarasi Langkawi? [ms 238] [6 markah]
 - b) Nyatakan sumbangan Malaysia dalam Persidangan Kemuncak Bumi dan Persidangan Alam Sekitar sebagai bukti kesungguhan negara kita memulihara alam sekitar. [ms 239] [6 markah]
 - c) Penerokaan terhadap Antartika oleh negara tertentu sahaja telah dibantah oleh Malaysia. Jelaskan usaha Malaysia dalam penyelidikan di Antartika. [ms 240 – 241] [8 markah]

[illegible]

[illegible]